

**Malaysia Berkeupayaan Mempunyai Sistem Sendiri Yang Unik - Dr Mahathir
Bernama
28 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Malaysia tidak harus terlalu banyak bergantung kepada Barat, sebaliknya perlu menghasilkan sistemnya sendiri, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Malaysia berbeza daripada negara-negara Barat dan unik dalam caranya sendiri, justeru sistem dari Barat mungkin tidak semuanya bersesuaian.

"Kita tidak harus mengandaikan bahawa hanya mereka (Barat) yang mempunyai keupayaan untuk menghasilkan idea berinovasi. Saya percaya kita juga boleh menghasilkan idea yang berinovasi. Jadi, kesimpulannya, dalam bidang politik, sosial dan ekonomi, jalan untuk maju ke hadapan adalah untuk menyemak semula, meneliti semua sistem yang datang dari Barat.

"Lihat sama ada ia bersesuaian bagi kita, dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan negara kita atau tidak. Kita mesti menyemak perkara yang kita lakukan hari ini sama ada kita mahu mengikut Barat atau kita melakukannya kerana ia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi atau masa depan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan syarahan mengenai "Malaysia Mara ke Hadapan: Pendekatan Politik, Sosial dan Ekonomi" di sini Isnin malam.

Mengambil Jepun sebagai contoh, Dr Mahathir berkata penduduknya telah membuktikan bahawa negara boleh dipacu untuk muncul sebagai sebuah negara yang berjaya berlandaskan sistemnya sendiri selama lebih dua dekad.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648427>